

**PEJABAT BENDAHARI
KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN**

KUiTTHO.(PB)10.12/03.Jld.2(56)? ? ? ? ? ?

?? Tarikh: 15 Oktober 2001

SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN ?? 1/ 2001

**MENARIK BALIK PERUNTUKAN BAHAGIAN/ PUSAT/FAKULTI YANG TIDAK HABIS
DIBELANJAKAN PADA AKHIR TAHUN**

Semua
Pengurus Bahagian
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

Saudara,

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara diatas.

Sukacita dimaklumkan bahawa agihan peruntukan tahun 2001 telah diibuat pada bulan Januari 2001 untuk semua Pusat Tanggongjawab untuk digunakan dalam tahun 2001 ini.

Sehubungan dengan itu juga pihak saudara adalah diingatkan supaya dapat membelanjakan peruntukan tersebut dengan sebaik-baiknya.

Pihak Kementerian Pendidikan telah memaklumkan bahawa semua peruntukan yang diberi hendaklah dibelanjakan mengikut perancangan yang telah dibuat. ♦ Sekiranya peruntukan tidak dapat dibelanjakan (di peringkat baucer bayaran) sehingga akhir tahun ia akan ditarik balik.

Pejabat Bendahari telah menetapkan bahawa semua peruntukan yang tidak dikomit di peringkat permohonan/tender (sekiranya ia melibatkan bekalan/perkhidmatan/kerja-kerja) sebelum 19hb Oktober 2001 akan ditarik balik dan diagihkan semula kepada semua Pusat Tanggongjawab yang lebih memerlukannya.

Sehubungan itu, pihak saudara perlu membuat tindakan susulan kepada perkara-perkara berikut:

1. Memberikan maklumat lanjut mengenai **baki kedudukan peruntukan dan perbelanjaan semua Pusat Tanggongjawab saudara sehingga 15 Oktober 2001**
 2. Mendapatkan maklumat Bahagian-Bahagian yang berkaitan dengan pelaksanaan projek seperti Pejabat Pembangunan & Pengurusan Hartabina dan Bahagian Perolehan Pejabat Bendahari untuk mengetahui status kemajuan tender/projek.
 3. **Menyerahkan balik baki peruntukan yang tidak dapat dihabiskan sehingga akhir tahun 2001**
 4. Maklumat **dibahagian 1 & 3 hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Bendahari pada atau sebelum 24 Oktober 2001.**

5. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa pada tarikh ia diedarkan.

Kerjasama dan perhatian saudara mengenai perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian , terima kasih. Wassalam.

❖BERKHIDMAT UNTUK NEGARA❖

Yang Benar.

ABU BAKAR BIN HUSSAIN

Pemangku Bendahari

Samb. 6007

2. Timbalan Rektor (HEP)
 3. Timbalan Rektor (Akademik)
 4. Pendaftar
 5. Audit Dalam